KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KEDAH			

JPNK tutup semua Taman Eko Rimba

HM 11.11.2021_19

Alor Setar: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) menutup serta-merta semua Taman Eko Rimba yang diuruskan di bawah jabatan itu di negeri ini termasuk kawasan perangian Bukit Wang, Jitra yang dilanda fenomena kepala air kelmarin.

Pengarahnya, Muhamad Abdullah berkata, keputusan itu diambil berikutan keadaan kadar hujan yang tinggi dan boleh menyebabkan risiko berlakunya kepala air.

"Kejadian fenomena kepala air yang berlaku di Bukit Wang iaitu di Kompartmen 24, Hutan Simpan Bukit Perangin berlaku akibat turunan hujan yang tinggi.

"Ia bukanlah disebabkan pembalakan, anggota dan pegawai JPNK sudah melakukan pemantauan di tempat kejadian," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Muhamad turut meminta orang ramai tidak mengunjungi kawasan Taman Eko Rimba buat sementara waktu bagi mengelak kejadian tidak diingini.